

Saddam perlu berhati-hati

KUALA LUMPUR: Malaysia berharap Presiden Saddam Hussein berhati-hati dalam tindakannya terhadap golongan fundamentalis yang memberontak di negara itu bagi memastikan rakyat Iraq tidak menjadi korban.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia bimbang dengan perkembangan di Iraq selepas Perang Teluk apabila golongan penentang Presiden Saddam cuba merampas kuasa di beberapa kawasan di negara itu.

"Kita berasa gelisah dengan perkembangan di Iraq. Kita tahu ada orang Iraq yang bangun memberontak terhadap kerajaan (Presiden) Saddam Husein," katanya menjawab soalan pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam.

Tunjuk perasaan dan pemberontakan yang dilaporkan berlaku di selatan Iraq merebak di utara. Pertempuran dilaporkan berlaku

Basra, bandar kedua terbesar di Iraq ketika tentera kerajaan semakin hampir dalam percubaan mereka untuk menawan semula bandar itu.

Tentera Iraq juga dilaporkan membunuh beratus-ratus pemberontak dalam pertempuran yang disifatkan sebagai pemberontakan Syiah terhadap Presiden Saddam itu.

Perdana Menteri berkata, Malaysia khawatir jika tentera Iraq mengambil tindakan keras terhadap rakyatnya sendiri

Katanya, tindakan keras tentera terhadap rakyat Iraq akan menyebabkan ramai orang awam terbunuh.

"Untuk mengekalkan pemerintahan, saya berharap kerajaan Iraq berhati-hati dan tidak berbuat sesuatu yang akan menyebabkab ramai rakyat Iraq sendiri akan binasa atau terbunuh," ujarinya.